



Peluang alumni jana pendapatan

ALUMNI Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) disarankan rebut peluang menjana pendapatan melalui program eRezeki yang dikendalikan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Pengurus B40, Kathy Ng yang mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Presiden Persatuan Alumni ILKBS Malaysia Samsudin Oli Mohamed berkata, melalui program diperkenalkan ini diharap dapat membantu alumni dari 22 institut kemahiran di bawah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ini.

Katanya, melalui eRezeki mereka boleh menambah pendapatan golongan B40 (isi rumah di bawah RM4000 sebulan) dengan menjalankan tugas secara digital.

Dalam pada itu, Samsudin Oli Mohamed pula yakin dengan perbincangan dan taklimat diberikan ini pastinya dapat membantu alumninya meningkatkan pendapatan.

Secara kasar, peserta eRezeki boleh menjana pendapatan secara purata dari RM500-RM1000 sebulan bergantung kepada jenis tugas.



Samsudin (duduk) mendengar taklimat daripada delegasi MDEC dan Kathy Ng (dua, kiri).

Program mobiliti STAR di Auckland

Seramai 12 pelajar Bachelor Kimia, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengikuti program mobiliti *Science and Technology Application Research (STAR)* di University of Auckland (UoA), New Zealand baru-baru ini.

Pegawai pengiring, Prof Madya Dr Irmawati Ramli berkata, persediaan dan pengisian program dirancang sendiri kumpulan pelajar berkenaan yang diketuai Pengarah Program, Mohamad Najib Ab Aziz.

"School of Chemical Sciences di UoA telah memberikan kerjasama baik dalam melaksanakan aktiviti akademik untuk peserta. Ini adalah kali pertama program mobiliti seumpamanya diadakan di New Zealand," katanya.

Sementara itu, Mohamad Najib berharap pelajar yang mengikuti program itu dapat mempelajari sesuatu yang baharu dan mengembangkan daya pemikiran agar lebih kreatif dan inovatif.

"Program mobiliti STAR memberikan pengalaman pembelajaran kimia kepada peserta. Mereka diberi tunjuk ajar penyelidikan kimia hijau dan diberi peluang mengambil bahagian dalam makmal pengajaran," katanya.

Presiden Kelab Mahasiswa Kimia, Fakulti Sains, UPM, Rudy Hakim pula berkata, program itu berjaya mencapai objektif meningkat dan mengeratkan hubungan kerjasama antara UPM dan UoA.

"Program mobiliti ini dapat menjadikan

Jadikan peserta berdaya saing dan bersemangat untuk maju



Bersama Prof Hartinger, selepas hadir kelas Inorganic Chemistry yang disampaikan.

peserta berdaya saing dan menaikkan semangat pengantarabangsaan untuk maju dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Antara pengisian ilmiah adalah menghadiri kelas Kimia Tak Organik yang disampaikan Prof Christian Hartinger dan pembentangan dapatan penyelidikan oleh Prof James Wright. Pelajar pasca

siswazah juga bertukar-tukar pendapat mengenai hasil kajian, lawatan ke makmal dan demonstrasi peralatan penyelidikan.

Pelajar juga berkesempatan bertemu Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin pada majlis ramah mesra bersama pelajar Malaysia di sana yang turut dihadiri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand, Datuk Lim Kim Eng.

Medan bantu masyarakat memerlukan

BARU-baru ini telah diadakan program *Light The Night 4.0* yang mengumpulkan lebih lapan badan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan anak muda bagi menjayakan projek menyantuni pelarian Rohingya, Orang Asli dan juga gelandangan.

Ikram Siswa Nasional diwakili Jawatankuasa Khidmat Masyarakat bergabung dengan beberapa NGO anak muda iaitu *Universoul.my*, *Sejahtera.Co*, *Geng Islamik Gempak (GIG)* Ipoh, *UNRIBA*, *BDNG*, *Yayasan Ilham Budi*, *Universiti Putra Malaysia*, *Pertubuhan Kebajikan Thegakz* dan *Unit Penokohan Belia (Shield)*.

Bertemakan *To Love, To Give and To Smile* untuk tahun keempat penganjurannya yang melibatkan seramai 36 sukarelawan mahasiswa, belia dan juga penjawat swasta dan kerajaan serta beberapa sukarelawan dari Indonesia, Jordan dan juga Pakistan.



Menurunkan barang agihan di Kampung Johan Setia Klang.

Pengerusi, Jawatankuasa Khidmat Masyarakat, Ikram Siswa Nasional, Nurul Husna As Saedah Bain menyifatkan *Light the Night* yang berlangsung serentak di



Duit raya untuk anak-anak Orang Asli.

bandar raya Kuala Lumpur dan Ipoh itu memberi pengajaran bermakna buat sukarelawan.

"Sesi pertama agihan sumbangan di Kampung Johan Setia Klang melibatkan penyerahan keperluan barangan dapur kepada hampir 300 keluarga pelarian

Rohingya yang sebelum ini belum pernah disantuni mana-mana NGO luar," katanya.

Sukarelawan sempat mengadakan sesi perkongsian bersama anak-anak pelarian Rohingya dan melaksanakan Projek Mini Perpustakaan dengan buku-buku hasil sumbangan orang ramai.

Sesi kedua ialah menyantuni golongan Orang Asli di Kampung Orang Asli Sungai Buluh di samping agihan sumbangan berupa duit raya, hadiah permainan kepada kanak-kanak, baju serta biskut raya kepada golongan ibu.

Penutup program, sukarelawan dibawa ke Bandaraya Kuala Lumpur untuk agihan makanan kering kepada gelandangan.

Sebanyak RM10,000 jumlah sumbangan terkumpul di Kuala Lumpur dan juga Ipoh sepanjang dua minggu kempen dijalankan di samping tajaan pengangkutan lori daripada AKMovers.

Light the Night juga mendapat sokongan Khidmat Masyarakat Ikram; I-Bantu.